

Headline	UniKL lebur rekod SSP-MSPThunderbolt		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	31 Jan 2016	Language	Malay
Circulation	279,000	Readership	837,000
Section	Sukan	Page No	55
ArticleSize	240 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 10,530		



UniKL lebur rekod SSP-MSP Thunderbolt

NAIB juara musim lalu, UniKL Young Guns melakar kejutan apabila menewaskan SSP-MSP Thunderbolts 3-2 sekali gus kembali mendaki ke tangga ketiga dalam saingan Liga Hoki Remaja Kebangsaan.

Kemenangan UniKL itu juga menyaksikan rekod bersih SSP-MSP Thunderbolt menang tiga perlawanan sebelum ini lebur pada pertembungan di Stadium Nasional Bukit Jalil, kelmarin.

Bagaimanapun pengendali UniKL, I Vikneswaran berkata, dia sedikit kecewa dengan kealpaan barisan pertahanannya yang mudah melepas-

kan gol pada minit-minit akhir perlawanan.

“Komen saya seperti sebelum ini. Bagi saya, saya tidak kisah siapa yang kami lawan yang penting persembahan pasukan saya sendiri kerana saya yakin pemain saya mampu mengalahkan mana-mana pasukan lain.

“Kalau tengok kami boleh menjaringkan lebih banyak gol dan sepatutnya mengelak daripada dibolosi gol saat akhir itu. Memang saya berpuas hati dengan peningkatan yang ditunjukkan tetapi kami masih perlu memperbaiki pengurus-

an krisis dalam perlawanan,” katanya.

Penyerang SSP-MSP Haziq Fawwaz Ramli membuka tirai jaringan minit ke-31 selepas memanfaatkan kawalan bola yang lemah oleh Muhammad Nurasyraf Rosli untuk menewaskan penjaga gol Amirul Afiq Azhar.

Namun UniKL tidak menunggu lama untuk membalas apabila Muhd Ishraf Irsyad Alias bijak menguis masuk percubaan pukulan sudut penalti diambil Khairulamirin Abd Jalil seminit kemudian untuk kedudukan babak pertama ber-

kesudahan 1-1.

Sepuluh masa kedua menyaksikan UniKL yang begitu terdesak mencari kemenangan menggandakan asakan dan hasilnya Taufiq Kamjai menceriakan mereka hasil jaringan padang pada minit ke-49 sebelum Khaliq Hamirin memastikan kemenangan pada minit ke-62.

SSP-MSP yang cuba bangkit bagaimanapun hanya sempat merapatkan jurang menerusi pukulan sudut penalti Idris Samad pada minit ke-70 untuk tewas buat kali pertama musim ini.



Pemain UniKL meraikan kemenangan menewaskan SSP-MSP Thunderbolt.